

Konsul Jeneral China *jumpa* *pelajar antarabangsa*

UB 28-2-2016 A3

LABUAN: Konsul Jeneral China di Konsulat Jeneral di Kota Kinabalu, Chen Peijie mengadakan lawatan ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Beliau yang diiringi Presiden Dewan Perniagaan Tionghua Labuan (LCCC) Datuk Wong Kii Yii mengadakan perbincangan dan taklimat bersama Timbalan Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal di pejabatnya di Aras 13 Bangunan Menara.

Geoffrey yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik memaklumkan mengenai infrastruktur dan kemudahan serta suasana pengajaran dan pembelajaran di UMS Labuan.

Chen Peijie yang pertama kali melawat Labuan turut mengadakan perjumpaan dan dialog dengan kira-kira 121 pelajar China yang menuntut ilmu di universiti itu.

Beliau menasihatkan pelajar supaya sentiasa mematuhi peraturan universiti dan undang-undang negara ini bagi kesejahteraan mereka sendiri.

Selain itu, Chen Peijie yakin hubungan baik antara kerajaan Malaysia dengan China melalui UMS akan berkekalan sekaligus

memudahkan urusan pelajar antarabangsa dari negara berkenaan khususnya yang berkaitan pendidikan mereka.

“ Mereka harus melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum dan kemasyarakatan anjuran UMS Labuan supaya mereka memahami adat dan budaya masyarakat tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan dan Malaysia amnya, “ katanya.

Sementara itu Geoffrey berkata, pelajar China haruslah mengikuti latihan industri di Malaysia dan bukannya di negara asal mereka untuk mempelajari suasana pekerjaan terutamanya di luar negara mereka.

Beliau turut memaklumkan,

terdapat pelajar China yang mendapat keputusan cemerlang dalam pengajian yang mereka ikuti.

Perjumpaan itu turut dihadiri Konsul Attache Konsulat Jeneral China Chen Xin, Setiausaha Perhubungan Persatuan Ma-Zhong Sabah Liau Chee Kok dan Penyelaras Pelajar Antarabangsa Emily Yapp Hon Tshin.

Hadir sama ialah Ketua Bahagian Akademik Mohd Asly Buncho dan Pegawai Hal Ehwal Pelajar Mohd Fazdli Sarudi, pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan dan Fakulti Komputeran dan Informatik serta Ahli Jawatankuasa LCCC.



CHEN Peijie (dua kanan) menerima cenderamata daripada Geoffrey sambil diperhatikan Wong (kiri) dan Emily.



CHEN Peijie (tiga kiri), Geoffery (empat kiri) dan Wong (tiga kanan) bersama wakil pelajar China yang belajar di UMS Labuan.